

5H4M SHANGHAI + DISNEYLAND

SOVKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

**TOUR CODE:
CSD04-MH**



**SHANGHAI DISNEYLAND ADALAH TAMAN TEMA
DISNEY KEDUA TERBESAR SELEPAS DISNEYLAND
WORLD DI FLORIDA, AMERIKA SYARIKAT!**

5H4M

SHANGHAI + DISNEYLAND

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE:
CSD04-MH



HARI 01 KUALA LUMPUR - SHANGHAI

MM

Berkumpul di KLIA Terminal 1 untuk menaiki penerbangan ke Shanghai.

Lawatan di **Shanghai**:

- Membeli-belah di **Nanjing Pedestrian Street** untuk membeli cendera mata atau pakaian dari kedai yang terdapat disini termasuk butik-butik terkenal.
- **The Bund**: sebuah kawasan dermaga yang telah wujud sejak awal abad ke-20, kini ia telah digazet sebagai tempat bersejarah di Shanghai. Terdapat banyak bangunan berbentuk gothik, baroque, neoclassical serta renaissance yang masih dapat dilihat dikawasan ini seperti bangunan HSBC, Bank of Taiwan dan banyak lagi.
- **Starbucks Roastery**: Pernah dinobatkan sebagai cawangan terbesar di dunia pada tahun 2017, singgah sebentar untuk menikmati kopi dengan sedikit bayaran tambahan, ia menyediakan 3 bar kopi sepanjang 88 kaki, menjadikan ia bar kopi Starbucks terpanjang didunia.
- **The Louis Vuitton Giant Ship Flagship Store (photo stop)**: Mercu tanda ikonik berbentuk kapal gergasi Louis Vuitton yang terkenal sebagai spot fotografi popular di Shanghai.

Bermalam di **Shanghai**.

HARI 02 SHANGHAI - SUZHOU - SHANGHAI

SP/MT/MM

Lawatan di **Suzhou**:

- **Couple Retreat Garden**: Sebuah halaman yang dipenuhi dengan pelbagai lanskap yang disusun indah, merentasi setiap taman yang mempunyai identiti tersendiri. Tersenarai sebagai tapak warisan UNESCO, ia terbahagi kepada 3 bahagian iaitu Eastern, Middle Mansion dan Western Garden. Tetamu juga diberi kesempatan menaiki bot untuk keluar dari kawasan halaman ini.
- Singgah sebentar untuk solat di **Taiping Fang Mosque**, yang merupakan masjid utama disini yang telah dibina pada tahun 1928.
- **Pearl Museum**: Membeli-belah di pameran mutiara asli China dan cenderamata tempatan
- **Shantang Ancient Street**: Sebuah perkampungan yang wujud dari dinasti Tang, ia pada asalnya adalah sebuah kawasan empangan, dan disambung dengan membina beberapa batang jalan yang berhubung dengan jambatan dari batu, dan ia berkembang hingga menjadi sebuah penempatan. Kini ia telah disenarai antara sejarah penting buat negara China. Banyak bangunan dengan senibina kuno dan jambatan dapat dilihat disini.

Bermalam di **Shanghai**.

HARI 03 SHANGHAI

SP

Lawatan di **Shanghai**:

- Masa bebas untuk berhibur dengan keluarga di **Shanghai Disneyland**, ia menawarkan pelbagai tarikan disini seperti Pixar Toy Story Land, Fantasy Land, Tomorrowland dan banyak lagi. Akhiri hari dengan menyaksikan tembakan bunga api penuh warna-warni dengan perarakan sebelum kembali ke hotel.

Bermalam di **Shanghai**.

HARI 04 SHANGHAI

SP/MT/MM

Lawatan di **Shanghai**:

- Membeli-belah di **Silk Factory** dengan pelbagai rekabentuk yang disediakan disini, dari sarung bantal, alas katil, pakaian dan banyak lagi.
- Dibina pada tahun 1917, singgah solat di **Little Peach Garden Mosque**, masjid terbesar di Shanghai yang dapat memuatkan sehingga 500 orang pada satu masa.
- Berjalan kembali ke masa silam di **Chenghuang Miao Business District**, dimana bangunan lama dihiasi pelbagai warna-warni dengan pelbagai barangan antik, cenderahati, kraftangan dan banyak lagi boleh didapati disini. Kemudian meneruskan perjalanan menyusuri ke Zigzag Bridge, sebuah jambatan yang berbentuk zigzag merentasi permukaan tasik.
- Meluangkan masa untuk membeli-belah di **Shanghai Gemstone Carving Hall**.
- Membeli-belah di **A.P Plaza** yang menawarkan pelbagai barangan tempatan, fesyen dan cenderamata dengan harga berpatutan.

Bermalam di **Shanghai**.

HARI 05 SHANGHAI - KUALA LUMPUR

SP/MT

Lawatan di **Shanghai**:

- **Jinmao Tower**: Tetamu diberi peluang melihat Oriental Pearl Tower yang terletak seberang bangunan ini dari tingkat 88. Disamping itu, menikmati pemandangan indah kota yang penuh dengan bangunan pencakar langit ini. Dengan atrium yang kelihatan seperti berputar dengan warna keemasan tanpa ruang dan masa.

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

Tiba di KLIA Terminal 1.

PERTUKARAN MATA WANG



CHINESE YUAN
CNY 1 = RM 0.65



PERBEZAAN WAKTU

China: GMT+8 | Malaysia: GMT+8



Musim Panas:

Jun - Ogos



Musim Luruh:

Sept - November



Musim Sejuk:

Disember - Feb



Musim Bunga:

Mac - Mei



Shanghai

TOUR HIGHLIGHTS

1.



SHANGHAI DISNEYLAND

Menawarkan pelbagai tarikan disini seperti Pixar Toy Story Land, Fantasy Land, Tomorrowland dan banyak lagi. Akhiri hari dengan tembakan bunga api penuh warna-warni dengan perarakan sebelum kembali ke hotel.

2.



NANJING PEDESTRIAN STREET

Pelancong dapat membeli cenderamata atau pakaian dari kedai yang terdapat disini termasuk butik-butik terkenal

3.



JINMAO TOWER

Tetamu diberi peluang melihat Oriental Pearl Tower yang terletak seberang bangunan ini dari tingkat 88. Disamping itu, menikmati pemandangan indah kota yang penuh dengan bangunan pencakar langit ini.

4.



THE BUND

Pemandangan senibina bangunan bersejarah yang indah dan mencerminkan perpaduan gaya eropah klasik dan art deco.

Hotel Penginapan

3* Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Shanghai		4 Mlm

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 388	KUL - PVG	0840	1415
5	MH 389	PVG - KUL	1525	2100

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan seperti yang dinyatakan.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- **Compulsory shopping:** Pearl Museum, Silk Factory, Jade Centre

Harga Pakej Tak Termasuk

- Travel Insurans.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.